



KEADAAN di Kampung Lorong Mesra, Batu 7 di Teluk Intan, Perak, semalam, tidak banyak berubah sejak dilanda banjir kali kedua enam hari lepas. Banjir kali pertama melanda pada 14 November dan kali kedua pada 25 November sehingga kini. -

BERNAMA

JPS diminta naik taraf benteng di Changkat Jong

TELUK INTAN 30 Nov. - Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) diminta melaksanakan kerja-kerja menaik taraf beberapa benteng yang terdapat di Changkat Jong dekat sini bagi mengelakkan kawasan itu dilanda banjir lebih buruk pada masa depan.

Menteri Besar, Datuk Seri Dr. Zambry Abd. Kadir berkata, ini kerana hasil pemantauan yang dibuat menunjukkan banjir tersebut berlaku bukan akibat benteng pecah sebaliknya kerana ia dibina terlalu rendah sehingga mengakibatkan air sungai melimpah masuk ke kawasan perkampungan.

"Setakat ini, JPS telah pun melihat perkembangan ini dan mereka juga sudah melakukan kerja-kerja mengorek sungai dan parit yang tersumbat di kawasan Changkat Jong supaya aliran air yang bertakung dapat mengalir keluar.

"Saya juga dimaklumkan, benteng yang dibina di sepanjang tebing sungai di kawasan itu rendah. Sekiranya

pihak JPS dapat menaikannya lebih tinggi kepada lebih 3.6 meter, maka kemungkinan kita dapat menghalang air sungai itu masuk melimpah ke kawasan ini.

"Benteng tersebut juga perlu kukuh, berkualiti dan berdaya tahan supaya tidak mendatangkan masalah lain pula nanti," katanya selepas mengadakan melawat mangsa-mangsa banjir yang ditempatkan di Sekolah Kebangsaan Changkat Jong di sini hari ini.

Zambry berkata, setakat ini sebanyak 249 orang dari 75 keluarga masih ditempatkan di pusat pemindahan tersebut.

"Sebelum ini sebanyak 327 orang berada di sini tapi ada yang telah dibenarkan pulang ke rumah masing-masing kerana banjir telah pulih. Mangsa yang tinggal di sini adalah mereka yang tinggal di kawasan yang rendah seperti di sekitar Sungai Bidor dan juga kawasan Sungai Sungkai.

"Terima kasih kepada semua

pihak yang terlibat yang telah membantu mangsa berkenaan di sini termasuk Jabatan Kebajikan Masyarakat, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Kesihatan, Pejabat Daerah Hilir Perak, Bomba dan Penyelamat, Jabatan Sukarelawan Malaysia dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia," katanya.

Sementara itu, Ketua Kampung Changkat Jong, Shah Rani Itam berkata, terdapat penduduk yang telah dibenarkan pulang kerana banjir telah surut.

Menurutnya, setakat ini mereka yang tinggal di kawasan Batu 9 dan Batu 7 sahaja yang masih menghuni pusat pemindahan kerana kediaman masih dinaiki air.

"Di kawasan itu air masih tinggi berikutan sampah-sarap telah menutup laluan air untuk keluar ke sungai. Saya harap pihak berkenaan termasuk JPS dapat mengambil tindakan segera untuk mengatasi masalah ini," katanya.